



# Memartabatkan Bahasa dan Sastra Nasional dalam Upaya Meningkatkan Ketahanan Budaya Serumpun

AZHAR IBRAHIM

*Universiti Nasional Singapura, Singapura*

**Abstrak** Makalah ini membincangkan persoalan mengangkat bahasa dan sastra nasional dan keterkaitannya dengan usaha memperkukuh jalinan kebudayaan serantau dan serumpun. Dalam mengusahakan ini, rasa kekitaan dan keserumpunan usah dibatasi kepada persamaan leluhur, adat resam atau kekeluargaan dalam berbahasa, melainkan ianya suatu kesedaran akan nasib dan hala tuju yang akan ditempuh. Demi menghargai keserumpunan ini, harus kita mula memperkenalkan budaya bahasa dan sastra serta gelanggang intelektual dan estetika di negara serumpun masing-masing. Namun kita harus waspada terhadap kecenderungan nasionalisme mundur sehingga segi keserantauan mencemar keuniversalan manusiawi. Di sinilah letaknya wadah sastra dan budaya yang dapat memacu pemberdayaan yang bukan saja dapat membuat kita tegas menyahut cabaran masa kini, tetapi juga tangkas untuk berhadapan dengan apa jua bentuk dominasi. Selain itu kita perlukan pendedahan tentang wacana intelektual serantau kita kerana ini penting dalam upaya pengukuhan budaya dan pemikiran. Jelasnya dalam memartabatkan bahasa dan sastra nasional, persoalan budaya yang transformatif harus menjadi kepedulian seiringan dengan wadah intelektual serantau dan sejagat, namun dapat mengelakkan kita dari sifat ketergantungan dan ketertawanan idea. Di sinilah letaknya peri penting pendidikan kebudayaan yang kritis dan kreatif, sehingga dapat menepis segi-segi neo-feudalisme, patriotisme cauvinis dan neo-kolonialisme yang bergerak memerangkap.

**Kata kunci** pendidikan budaya; sastra; intelektualisme serantau

## Pendahuluan

Memartabatkan bahasa dan sastra nasional adalah sebahagian daripada usaha pembinaan dan perancangan kebudayaan, baik dalam sesebuah negara bangsa, mahupun dalam konteks kebudayaan serantau dan serumpun. Begitulah halnya di rantau Nusantara ini, di mana sastra nasional negara masing-masing mempunyai keterkaitan sejarah yang sama, yang saling bertindan, dulu dan kini. Atas kesedaran inilah

makanya ada kesedaran, usaha harapan agar dapat kita “meningkatkan ketahanan budaya serumpun.” Kita sebenarnya membicarakan persoalan membina budaya bahasa dan sastera yang ampuh, berkesan, bermakna serta berkemampuan mengke-  
depankan budaya rantau serumpun ini sebagai salah satu penyumbang ketamadunan kemanusiaan sejagat. Pembinaan budaya ini harus mengambil kira takrif dan skop kebudayaan itu sendiri. Pertama, takrif budaya yang luas diperlukan tanpa dipersempitkan makna itu sebagai warisan leluhur dalam hal seni, sastera dan bahasa serta adat resam. Kedua, takrif budaya harus memberi perhatian kepada bukan saja lingkungan setempat tetapi juga budaya serumpun yang memiliki persamaan antara satu sama lain. Pendedahan inilah harus diberikan kepada setiap lapisan masyarakat, khas sekali kepada para belia kerana rasa kebersamaan inilah yang akan menumbuhkan bibit menghargai budaya partikular/setempat yang penting sebelum segi-segi universalisme dalam budaya disanjung. Namun rasa kekitaan dan keserumpunan itu sendiri usah dibatasi kepada persamaan leluhur, adat resam atau kekeluargaan dalam berbahasa, melainkan ianya suatu kesedaran akan nasib dan hala tuju yang akan ditempuh oleh masyarakat serumpun ini. Makanya untuk lebih menghargai keserumpunan ini, harus kita memperkenalkan budaya bahasa dan sastera serta gelanggang intelektual dan estetika di negara serumpun masing-masing.

### **Persaudaraan Serantau sebagai Pengungkapan Kesejagatan**

Bila kita menyebut budaya serumpun, agak mudah kalau kita mengidentifikasikan keserumpunan itu dari lensa sejarah budaya. Tetapi dengan terdirinya negara-bangsa (*nation states*), mengidentifikasi sesama serumpun menjadi lebih rumit, terutama pada generasi masa kini, kerana setiap negara serumpun dalam rantau ini telah berkembang dan beredar pada tingkat yang berlainan. Namun, ini tidak bererti kita tidak lagi dapat memupuk sikap persaudaraan berserumpun di kalangan kita. Rasa persaudaraan keserantauan kita adalah sebahagian daripada ungkapan kemanusiaan sejagat kita. Kita serumpun bukan sekadar kita ada pertalian leluhur, warisan budaya dan sejarah. Tetapi kita serumpun bukan saja kerana kita *senasab* kebudayaannya tetapi juga *senasib* dari segi kehidupan hari ini dan hari nanti. Berbicara tentang serumpun usahlah pula terjebak dalam semak romantisisme kebudayaan yang menjerat. Serumpun usah dibatasi persamaan yang kita ada pada masa silam. Jelasnya, usahlah keserumpunan itu kita batasi pada sekadar perkara berkenaan (a) mempunyai leluhur moyang yang sama, (b) kekeluargaan dalam rencam bahasa dan dialek, dan (c) kelaziman dan pandangan dunia serta adat resam yang ada titik persamaan.

### **Semangat Keserantauan yang Bermakna**

Semangat serumpun lebih baik kita lihat dari sudut *destiny* yang sama yang telah dan akan kita lalui, iaitu cabaran dan peluang yang ada di hadapan kita. Rasa serumpun bererti kita dapat berpijak di alam setempat yang kita diami ini sehingga kita mengetahui jiran tetangga bersebelahan kita, sebelum kita begitu asyik untuk mengetahui umat manusia yang mendiami ceruk rantau yang lain. Serumpun bererti kita melihat bahawa kita ada pertanggungjawaban dan misi untuk menentukan ba-

hawa rantau serumpun yang kita diami ini aman stabil, sejahtera dan mandiri. Rasa keserumpunan ini sayugia menimbulkan semangat kekitaan dan kebersatuan. Tetapi di saat kita insaf pada keserumpunan ini, usah kita menafikan realitas kepelbagaian dan perbezaan di antara kita. Dialektika ini harus kita akui dan hormati. Keserumpunan sebaiknya harus menjana kemanusiaan kita ke tingkat yang lebih tinggi, bukan pula terperosok ke dalam dengan segi-segi parokialisme, cauvinismenya dan neo-feudalisme (Rustam Sani, 1992).

### **Awasi Kedangkalan dan Penutupan Minda**

Nasionalisme atau rasa kebangsaan yang hidup dalam era kolonialisme dan awal pasca-kemerdekaan barang tentu mempunyai matlamat yang kukuh untuk mendapatkan hak politik dan kesejahteraan rakyat. Tetapi nasionalisme lepas zaman kemerdekaan lekas bertukar menjadi cauvinisme sesuatu kelompok bahasa/agama/etnisiti yang senang menghalalkan hak mereka atas nama 'kebangsaan' sehingga mengasingkan golongan yang lain. Inilah yang harus kita sanggah apabila rasa kebangsaan dan keserumpunan senang pula menghalalkan kebencian dan ketidakpedulian terhadap mereka yang di luar perkiraan kita sebagai 'serumpun'. Dan harus selalu kita ingat bahwa di saat kita mahu memupuk budaya nasional yang benar-benar inklusif, usahlah pula kita menidakkan hak kelompok yang lain dalam negara yang sama itu. Sepertimana diingatkan Frantz Fanon (1963):

A national culture is not a folklore, nor an abstract populism that believes it can discover the people's true nature. It is not made up of the inert dregs of gratuitous actions, that is to say actions which are less and less attached to the ever-present reality of the people. A national culture is the whole body of efforts made by a people in the sphere of thought to describe, justify, and praise the action through which that people has created itself and keep itself in existence. A national culture in underdeveloped countries should therefore take its place at the very heart of the struggle for freedom which these countries are carrying on. (hlm. 233)

Lain perkataan, semangat keserumpunan ini sayugia membawa kita bukan terperosok ke dalam, melainkan ia membuka tekad kita untuk terus berdialog dengan rantau dan budaya yang lain di benua-benua Afrika, Asia dan Amerika Selatan. Warisan budaya dunia yang berperikemanusiaan dan adil adalah warisan bersama kita. Apabila Ngugi wa Thiongo' (1997) menganjur supaya benua Afrika bersatu dalam solidaritas dengan rantau yang lain yang melalui nasib yang sama dek cengkaman imperialisme budaya dan ekonomi, cetusan itu tentu relevan sekali pada konteks kita. Perhatikan renungan beliau:

A united African response to the new world order is the only basis of our survival in the twenty-first century. Otherwise, we shall remain mini-satellites orbiting around the three mega-centres of world domination. Our cultures will be in a deep crisis if they fail to chart out a vision of continued resistance. It is only if they correctly chart a creative and meaningful course for Africa, that they will

put the culture of domination in a crisis, and hence create a better and more healthy basis for a survival and identity.

### **Kebertahanan Budaya Serumpun**

Menyebut tentang budaya serumpun, ianya dapat diertikan sebagai idealisme sekaligus pernyataan realiti. Budaya serumpun yang kita harapkan harus punyai dimensi yang dinamik, akomodatif, tetapi terkadang 'revolusioner,' dalam pengertian ber-sungguh mengupasi permasalahan manusia. Menjadikan budaya serumpun yang dinamik bererti membolehkan ia berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan budaya-budaya dunia yang lain, sehingga tiada sikap kekerdilan di antara kita. Tetapi kebertahanan budaya serantau harus bererti menjangkau lebih dari ketahanan yang mungkin bersifat defensif. Di saat masuknya globalisasi dan konsumerisme deras, ini tentu membawa kesan kebudayaan yang serius, khasnya apabila cita rasa yang dikonsumsi dan dipasarkan dari Barat menjadi kayu ukur kepada semua standard kebudayaan. Inilah imperialisme kebudayaan yang masuk menerusi produk konsumerisme. Bukanlah maksud kita menghukumi setiap segala dari Barat sebagai gejala imperialisme Barat, namun perkara ini sepatutnya kita beringat kerana kalau kita tidak siap siaga, maka hegemoni budaya luar (iaitu Barat) akan menjadi penentu dalam kehidupan kebudayaan kita selain ianya memberi kesan kepada identiti kita.

Keterikatan serumpun harus ampuh pengisiannya, bukan setakat berkampung dan bersurai setelah kita puas bersorak bahawa kita sama serumpun dan serantau. Kita pernah dengar bahawa karya sastera harus menjadi tali pengikat serumpun, dengan memperkenalkan sastera kita masing-masing. Itu tentunya sudah berlaku di peringkat universiti dengan pengajian sastera bandingan tetapi di tingkat yang masih paling sederhana. Malah upaya ini masih belum tersebar luas di luar akademia. Rasa keserumpunan ini boleh ditambah oleh satu lagi dimensi, iaitu sama menghargai budaya keintelektualan sesama kita, bukan setakat keluar dari tembok pengkhususan akademik, tetapi juga sempadan intelektual yang kita telah bina berdasarkan sempadan politik hari ini.

Ertinya perlu ada perancangan ke arah budaya yang ada kedinamisan untuk anjal berubah, ada keseleraan tinggi pada kesempurnaan, ada keprihatinan kemanusiaan dan etika sejagat, ada nurani empati yang abadi, serta ada keberanian untuk menyahut segala macam ketidakadilan. Seperkara yang harus kita akur ialah rasa keserumpunan ini tidak boleh saja dibiarkan kepada ketentuan takdir sejarah, melainkan ianya harus selalu berhubung, saling mengetahui antara satu sama lain. Komunikasi antara warga serumpun, biarpun tanpa ikatan politik, adalah pertemuan yang akan membuah hasil yang baik kepada sesama kita. Menurut Soedjatmoko (1979): *"No nation, rich or poor, powerful or weak, can work out its salvation in isolation. The answers we are all looking for cannot be found by any single culture alone. They can only be found together."* (hlm. 179)

### **Budaya yang Proaktif bukan Defensif**

Sesungguhnya pengertian budaya/sastera yang dapat mengarah kepada pemberdayaan bukan saja dapat membuat kita tegas menyahut cabaran masa kini tetapi ju-

ga tangkas untuk berhadapan dengan apa jua bentuk dominasi yang mencengkam kita. Sekali lagi harus dingatkan bahawa 'budaya' itu tidak boleh ditanggapi secara berasingan daripada fenomena sosial/politik/ekonomi yang lain. Sebagaimana menurut Amilcar Cabral (1980):

Culture, like history, is necessarily an expanding and developing phenomenon. Even more important, we must bear in mind that the fundamental characteristics of culture is its close, dependent and reciprocal connexion with the economic and social reality of the environment, with the level of productive forces and the mode of production of the society which created it. (hlm. 149)

Yang harus disedari ialah hakikat budaya itu harus memberi kita nilai dan tekad untuk menyanggah apa jua bentuk dominasi. Di sinilah budaya serumpun kalau menyedari akan *destinynya* dapat menjana kesedaran kebudayaan yang lebih menitikberatkan lingkungan dan kepentingan setempat. Di sini jugalah letaknya para pemikir dan sasterawan serumpun dapat menghasilkan produk sastera atau ilmiah supaya dapat kita menangkis dominasi dari luar (sama ada dominasi fizikal atau mental). Pendidikan budaya dan sastera kita harus menuju ke arah ini.

### Sastera yang Berperanan dalam Masyarakat

Alam sastera kita adalah sebahagian daripada khazanah kebudayaan dan keintelektualan yang telah dan akan terus mencorakkan identiti kita sebagai suatu kelompok bangsa dan negara. Dalam era moden ini, kita menyedari hakikat bahawa sastera yang tercipta dalam lingkungan kita, khasnya yang menggunakan bahasa komunikasi kebudayaan kita, adalah ranah yang tidak boleh kita memperlekehkan, jauh lagi mengabaikan. Syukur bidang sastera dan bahasa mendapat perhatian daripada pihak pemerintah, budayawan dan intelektual setempat dari masa ke masa. Sastera mempunyai tugas dalam mencerahkan pemikiran publik agar tidak mudah terjebak dengan ideologi yang menyempit, termasuk sikap literalisme atau keharfiahan. Celik sastera dan bercita sastera bisa mengurangi kecenderungan literalisme kerana budaya sastera, dalam apresiasinya membina pemikiran dan esestetika yang menghargai metafora, akan dapat mengelakkan taksu eka tafsir.

Tiadalah dokumen kebudayaan yang dapat merakam kemanusiaan kita dengan lebih baik melainkan sastera kita. Sebagaimana yang pernah disebut seorang pengkritik sastera Amerika, James T Farrell (1976): "*One of the great values of literature is that it is a means of expanding consciousness. The world's meaning to us is locked up in our minds... Through literature we expand our consciousness*". Sesungguhnya tugas membicarakan sastera, mengaju teori/perspektif serta mengkritiknya adalah tugas dan pertanggungjawaban intelektual yang wajib terkedepan untuk menyatakan kebenaran serta kesungguhan: (1) memecahkan ideologi yang mencengkam, (2) menyinggung segala autoriti yang berlagak seperti kependetaan yang serba benar, (3) mendiagnosa kemelatan dan keterabaihan dalam masyarakat serta (4) mendedah dan mencari sebab pelanggaran moral-etis, dan bukan setakat mengutuk dan berpanik akan gejala itu. Lain perkataan, perlu adanya komitmen sosial serta terpanggil secara individu untuk mempertahankan keutuhan etika.

### **Darihal Sastera Nasional**

Kekuatan sastera nasional terletak pada bagaimana ia dapat memadukan kemanusiaan universal tetapi berpijak pada nuansa dan keperluan partikular. Dinamika dan dialektika ini terus bernegosiasi sehingga tidak ada satu yang dapat mengataskan sisinya daripada yang lain. Ciri dan isi nasional harus kita huraikan makna secara progresif. Nasional mengambil kira kepelbagaian dalam persatuan dan kesatuan, dan ini adalah kekuatan dan rahmah sekaligus. Visi 'nasional' yang parokial, yang hanya membenarkan chauvinisme baik dalam bahasa, ras dan agama, adalah sebenarnya keterbalikan 'nasional' itu. Jadi bila dikatakan budaya nasional ianya mengambil keragaman dan kepelbagaian budaya, yang dapat mewarnai sastera nasional sebuah negara itu.

### **Memaknakan Takrif Budaya**

Dalam budaya itu bukan saja terakam tingkat peradaban yang telah dicapai oleh sesuatu bangsa itu tetapi juga bagaimana persoalan mencari makna dalam kehidupan benar-benar mendapat perhatian dalam masyarakat sesuatu budaya itu. Kita memperkuat budaya serumpun dengan memperteguh reseptiviti kita kepada nuansa dan keperluan partikular atau setempat. Kesimpulan Ngugi (1984), sasterawan dan pemikir Afrika, sayugia diperhatikan:

It is the culture that a people have that embodies their values, those aesthetic, and moral qualities they consider basic and important in their contact and interaction with one another, and with the universe. A culture then embodies a community's structure of values, the basis of their outlook, and how they see themselves and their place in the universe and in relations to other communities. It is the values that a people have that are the basis of their collective and individual image of self, their identity as a people, since culture is an ideological expression of the totality of their activities. (hlm. 22-23)

Kebudayaan, dalam pengertian Syed Hussein Alatas (1972) ialah "pengertian yang merangkumi pandangan keagamaan dan pengamalan, nilai-nilai dan norma-norma sosial, tradisi dan adat yang diterima pakai oleh segolongan masyarakat, pemikiran yang khusus dan gaya tingkah laku yang mempengaruhi kehidupan masyarakat dalam kumpulan-kumpulan masyarakat yang tertentu". Renungan tajam dan peringatan yang dibuat oleh para intelektual kita harus kita ambil perhatian dengan bersungguh. Marilah sama-sama kita perhatikan takrifan makna kebudayaan yang pernah dirungkai oleh Haji Agus Salim, lebih setengah abad yang lalu:

Kebudayaan adalah persatuan antara budi dan daya menjadi kata dan makna yang sejiwa, tidak lagi menerima dibagi atau dipisah-pisah atas dua maknanya masing-masing; budi yang mengandung makna akal, fikiran pengertian, faham, pendapat, ikhtiar, lagi pula perasaan, dan daya yang mengandung makna tenaga, kekuatan, kesanggupan. Maka kebudayaan mengandung makna lebar daripada dua makna tadi, dan ertinya himpunan segala usaha dan daya upaya

yang dikerjakan dengan menggunakan hasil pendapat budi, untuk memperbaiki sesuatu dengan tujuan mencapai kesempurnaan (Solichin Salam, 1961).<sup>1</sup>

Dalam konteks hari ini, dengan adanya kesadaran bahwa Islam harus mendasari pandangan dunia masyarakat Melayu-Indonesia, maka makna budaya dalam pengertian Islam diberikan perhatian, sepertimana yang ditunjukkan oleh Nurcholish Madjid (2003):

Budaya Islam adalah budaya yang mengunggulkan ikatan-ikatan keadaban (*civility*) seperti hormat pada hukum, hormat pada toleransi dan pluralisme, mempertahankan egalitarianisme dan hak-hak asasi sebagai bagian dari paham kemanusiaan universal, penghargaan orang kepada prestasi bukan prestise, keterbukaan partisipasi seluruh masyarakat dan seterusnya, yang biasa kita sebut masyarakat madani... (hlm. 134)

Namun begitu, makna budaya yang sempit yang membawa maksud “warisan tradisional yang telah diperturunkan” masih bertahan dan terus digunakan. Takrifan yang banyak terpakai dan terfaham ini mempunyai masalah dari segi konsep budaya itu sendiri. Takrif budaya seperti itu sebenarnya telah dan akan membekukan makna budaya yang seharusnya bersifat transformatif. Sebagaimana yang pernah dihuraikan oleh pemikir kiri dari Itali yang tersohor, iaitu Antonio Gramsci bahwa:

We must rid ourselves of the habit of conceiving culture as encyclopedic knowledge; a concept in which man is regarded as a mere receptacle to be stuffed full with empirical data and disconnected brute facts... culture is something quite different. It is organization, discipline of one's inner self, a coming to terms with one's personality; it is the attainment of a higher consciousness by means of which one succeeds in understanding one's own historical value, one's own function in life, one's own rights and duties... (Buttigieg, 2002: 68-69).

Kita perlukan budaya yang gerak dengan peredaran zaman, suatu budaya yang bersifat transformatif. Tambah Gramsci:

One must speak of a struggle for a new culture, that is, for a new moral life that cannot but be intimately connected to a new intuition of life, until it becomes a new way of feeling and seeing reality and, therefore, a world intimately ingrained in 'possible artists' and 'possible works of art'. (hlm. 68-69)

Lain perkataan setiap budaya yang ingin kita bina harus ada segi moral-etika yang ampuh. Makanya apabila berbicara tentang kebudayaan, sebaiknya kita memperkirakan persoalan-persoalan berikut:

- (1) *budaya akliah* – melihat martabat manusia sebagai makhluk yang diamanahkan untuk menjadikan kehidupan di bumi ini sejahtera, selamat dan adil;

- (2) *budaya ilmiah* – budaya sains dan pemikiran yang diterokai agar mutu kehidupan manusia bertambah baik, serta meringankan kepayahan dan kere-sahan manusia;
- (3) *budaya ikhtiar dan iktisad* – budaya yang mempedulikan persoalan aturan hidup ekonomi manusia demi menjamin tingkat kehidupan yang menusa-bah kepada setiap golongan dalam masyarakat tanpa membiarkan jurang ekonomi yang besar;
- (4) *budaya rohaniah* – keutuhan spiritualitas dalam diri manusia yang dapat menjamin kehidupan bermasyarakat. Peranan agama yang bersifat trans-formatif yang dapat memberi susun nilai dan harapan kepada manusia supaya mencari yang terbaik untuk dirinya dan segala kehidupan di seke-lilingnya, bukan setakat perintah ritus, melainkan panduan normatif untuk memperbaiki mutu kemanusiaan kita;
- (5) *budaya estetika* – fitrah manusia untuk mencari keindahan dan kesenangan agar manusia dapat menyalurkan idea dan rasanya dalam bentuk yang disenangi manusia. Sifat estetika yang membina manusia menjadi lebih sensitif dan reseptif akan alam sekeliling adalah titik tolak kepada kese-daran moral-etika;
- (6) *budaya sahsiah* – segi politik dan pertanggungjawaban sivik – penampilan manusia demokratis adalah tunjang kepada kewarganegaraan adalah se-bagai salah satu kesempurnaan manusia – dapat kita mengenalpasti tirani kuasa, termasuk parasit yang mengaut untung tanpa belas dalam susunan sosio-politik dan ekonomi kita;
- (7) *budaya kesejarahan* – menghargai sejarah dengan terus kritis terhadapnya – mengerti akan kondisi hari ini adalah rentetan yang sebelumnya dan me-mahami sejarah guna untuk hari ini, dan bukan pula beromantis akan za-man yang silam itu;
- (8) *budaya bermasyarakat majmuk (multiculturalism)* yang menyambut perbezaan manusia akan budaya, bahasa, adat resam, kepercayaan, gender, kelas so-sial dan selainnya.

W. S. Rendra (2000), penyair Indonesia yang tersohor, sendiri menganjurkan digunakan “paradigma budaya” untuk meninjau masalah kehidupan dalam ling-kungan kita. Dalam pendidikan, beliau mengenalpasti empat perkara pokok yang harus diberikan perhatian. Pertama mengapresiasi fakta objektif. Kedua pengkatego-rian fakta-fakta tadi sehingga dapat dibezakan dan dikenali dengan lebih berkesan. Ketiga penanaman disiplin ilmiah, namun dapat mengelakkan intelek konsumtif, yang berlawanan dengan jenis intelek kreatif mahupun kritis. Keempat ialah:

“kesempatan beropini dan berekspresi harus ditingkatkan seluas-luasnya, agar murid bisa merasakan bahwa dirinya berdaulat sebagai manusia. Inilah satu langkah yang penting untuk memberdayakan diri sebagai individu. Pada hake-katnya daulat rakyat itu berasal dari pengertian akan daulat manusia, dan dau-lat manusia berasal dari pengertian akan daulat individu” (hlm. 37-39).



## Memartabatkan Sastera

Memartabatkan sastera usahlah setakat menjadi laungan muluk-muluk tetapi pertanggungjawaban dan amanah. Segi-segi memartabatkan ialah: (a) adanya visi yang jelas dan ampuh; (b) komitmen perancangan agar budaya sastera itu tidak mandek ataupun senang digoyahkan dengan ideologi-ideologi tertentu; (c) adanya stamina dan *will power* untuk pelaksanaannya agar budaya sastera itu ada wadah/institusi yang mantap; dan (d) usaha penilaian kembali terhadap apa yang sudah berlangsung hari ini. Kita harus menyediakan prasarana agar budaya bersastera dapat terus kekal, berkembang dan membangun. Contohnya dengan: (1) mengadakan forum galakan dan forum seamaian sastera dalam ranah publik, khasnya memberi tumpuan khas kepada penulis muda; (2) menggalakkan dan membuka ruang untuk budaya kritisme sastera, baik secara ilmiah mahupun secara am di media massa; dan (3) pengiktirafan kepada penciptaan sebagai insentif berkarya. Perancangan memperkenalkan sastera di peringkat serantau harus ditandai dengan perancangan yang konkrit. Antara langkah yang boleh disegerakan ialah penyediaan Bunga Rampai atau Antologi yang memperkenalkan kepada negara masing-masing, malahan berguna kepada penelitian sastera, memandangkan ruang percetakan dan edaran belum lagi cergas di kalangan kita.

Lihatlah penelitian dan pembacaan sastera kita di mana jarang kita keluar menjenguk apa yang dibicarakan dalam wacana yang berlangsung di negara jiran serumpun dengan kita. Tetapi kita amat pula tangkas untuk mengajukan dan menukil idea-idea yang dikedepankan dalam wacana ilmiah Euro-Amerika-Australia. Lihat saja rujukan bibliografi di kalangan ramai penulis dan sarjana kita. Jarang ada yang menyenarai kupasan-kupasan yang dilakukan oleh para sarjana tempatan dan negara-negara jiran betapapun mereka telah menulis perkara pokok yang lebih konkrit dan tuntas pemerhatian daripada idea-idea luar yang tentunya datang dari konteks pengalaman budaya dan politik yang berlainan. Kalaupun mereka tahu, tetapi mereka merasakan kurang berprestig untuk diperkirakan para penulis/sarjana tempatan tadi dalam notakaki atau bibliografi. Tentunya ini sebahagian daripada ciri minda tertawan (Mohamad Daud Mohamad & Zaidah Yahya, 2005).

Maka haruslah segera kita mendedahkan dan turut sama membicarakan para sasterawan, budayawan, termasuk para intelektual negara kita masing-masing. Kalau dalam bidang sastera dan bahasa mungkin kita mengetahui serba sedikit antara satu sama lain, tetapi mungkin tidak pula tentang para intelektual kita. Dari Indonesia, nama-nama pemikir bangsa/agama dan sarjana seperti H. O. S. Tjokroaminoto, Haji Agus Salim, Soetjatmoko, Sutan Takdir Alisjahbana, Nurcholish Madjid, Harun Nasution, Kuntowijoyo, Jamaluddin Rahmat, Komaruddin Hidayat, Abdul Munir Mul Khan adalah beberapa tokoh yang idea-ideanya baik diperkenalkan. Dari Filipina, Jose Rizal, Claro M. Recto, Renato Constantino, Randolph David, Epifanio San Juan Jr. dan Reynaldo C Iletto. Manakala dari Semenanjung Malaysia, nama-nama seperti Munshi Abdullah, Za'ba, Keris Mas, Usman Awang, Kassim Ahmad, Syed Hussein Alatas, Syed Naguib al-Attas, Ismail Hussein, Baha Zain, Osman Bakar, Mohd Taib Osman, Chandra Muzaffar, Shaharuddin Maaruf, Rustam Sani dan selainnya sayugia diberikan perhatian.

Tidak seperti rumpun bangsa Eropah yang melihat tradisi intelektual negara masing-masing sebagai warisan tradisi intelektual bersama, itu tidak pula berlaku di

kalangan kita. Contohnya pemikir Itali Antonia Gramsci sama dihargai di kalangan Jerman, Inggeris dan Perancis, sedang Soren Kierkegaard asal Denmark, dan Doestovsky asal Rusia sama ditatap di seluruh Eropah. Di sinilah letaknya contoh yang boleh kita teladani. Kerencaman bahasa di Eropah tidak menghalang mereka menghargai tradisi intelektual satu sama lain. Sayangnya, kita belum lagi bergerak ke arah itu, malah pada tingkat memperkenalkan pun kita masih belum mengorak langkah tersebut.

Apa yang terjadi ialah para siswa, graduan dan sarjana-sarjana muda kita tidak merasakan aib dan segan sekiranya mereka tidak mengetahui para pemikir dari lingkungan serumpun mereka, berbanding dengan rasa malu mereka yang amat sangat kalau mereka tidak mengetahui para pemikir dari Barat. Malah kita dapati ketarikan mereka pada apa jua dari Barat tanpa kritis. Contohnya keterkaguman mereka pada teori pascakolonialisme lebih disebabkan ianya teori *avant garde* yang terkini dibahaskan dalam *cultural studies* atau *subaltern studies*. Pascakolonialisme seperti itu hinggalah teori yang canggih dibicarakan segi itu dan ini, namun tiada langsung dipedulikan perjuangan pribumi dan keserjanaan tempatan yang telah menentang penjajahan, ataupun mengkritik cara berfikir yang tidak ubah kolonial sifatnya.<sup>2</sup>

Dari itu, sudah sampai masanya untuk kita memberikan imbuhan yang ampuh kepada rasa keserumpunan ini melalui pengiktirafan dan pendedahan kepada budaya intelektual sesama kita masa kini. Ertinya bukan saja kita diperkenalkan kepada sasterawan kita masing-masing, tetapi juga para pemikir atau intelektual. Malah kalau kita tanya generasi masa kini (khususnya golongan pendidikan tinggi) akan intelektual dari negara jiran mereka, makanya mereka akan tercari-cari, walaupun tidak jahil akan perkara ini. Mereka tentu saja dapat menyebut jaguh intelektual dari Barat, sehingga bagi mereka Barat saja tempat berkiblat bagi dunia intelektual.

### **Pendidikan dan Pembangunan Budaya Serumpun**

Pendidikan adalah cerminan akan keberadaan sosial sesuatu masyarakat itu, dan menerusnya budaya masyarakat itu disemai dan diperturunkan kepada generasi mudanya. Di sinilah letaknya pendidikan sebagai ranah ideologi dan sistem nilai yang mahu dipertahankan atau dikembangkan. Budaya dalam pendidikan harus dilihat dalam perspektif kreatif dan kritis. Dua unsur ini harus saling mendukungnya. Sayang kepada budaya bukan bererti buta akan kekurangan yang ada dalam budaya. Kritis budaya pula bukan bererti mencemuh dan memperlekeh budaya tersebut. Salah satu cara membangunkan masyarakat ialah menerusi pendidikan.

Inilah yang dipertekankan oleh Sutan Takdir yang beranggapan bahwa “mendidik manusia baru, mendidik jiwa baru, yang akan menjadi pusat menjadi motor daripada kebudayaan baru....yang memakai tiang-tiang agung rasionalisme, individualisme dan positivisme....[keadaan hidup] tidak mungkin berubah kalau manusia tidak berubah”. Cita luhur harus ada pada manusia dan masyarakat.<sup>3</sup> “Sebaliknya bukankah orang yang kehilangan tenaga ialah orang yang kehilangan keyakinan, yang kehilangan cita-cita.” Inilah musuh yang harus dilawani, iaitu rasa kalah. Ini bukan sekali semangat perjuangan utuh kerana fikirkanlah, seru Takdir:

tidakkah demikian juga halnya di lapangan bangsa, tidakkah tiap-tiap nabi, pemimpin membawa cita-cita, harapan, mimpi baru bagi ummat yang terjatuh ke dalam lembah dan dengan cita-cita harapan, mimpi baru itu membawa umat ketigkatan yang tinggi, tiada terduga-duga selama ini (Mi-hardja, 1954: 131).

Tambah Sutan Takdir:

Sesungguhnya pekerjaan membangunkan bangsa menghendaki syarat-syarat yang jauh lebih penting: manusia bangsa itu sendiri satu persatu mesti tumbuh, tumbuh ke segala penjuru. Dan pekerjaan menumbuhkan manusia ialah pekerjaan pendidikan, yang menghendaki analisis yang tidak pandang memandang perjitungan yang sangat hati-hati dan teristimewa minat dan perasaan kasih sayang tiada terhingga (hlm. 131).

Dengan segala harapan, beliau menyeru agar dibangun bangsa maju, usah terasyik beromantis pandang kepada kegemilangan zaman silam: "Janganlah kita melihat ke belakang, tetapi hendaklah kita menuju ke hadapan."<sup>4</sup> Inilah yang dimaksudkan mengelakkan daripada menyogokkan pada generasi hari ini dengan romantisme sejarah, sehingga mereka tidak dapat menanggapi sejarah secara kritis sehingga mereka membiarkan psikologi feudal berterusan dalam masyarakat<sup>5</sup> dan sikap khadam kepada kolonialisme dan keasyikan pada orientalisme yang amat menjerat kepada pemikiran dan harga diri masyarakat dan budaya intelektual kita.

Usahlah dalam pendidikan kebudayaan ini kita, menurut Mochtar Lubis (1988), yang menulis dalam konteks Indonesia, "berpura bahwa kita mewarisi suatu kebudayaan Indonesia yang gemilang dari masa silam,...berdasarkan apa yang kita lihat dari kebesarannya dalam senibina, tenunan, tarian, musik, ukiran, dan lain-lain manifestasi kesenian di seluruh nusantara" (hlm. 100). Beliau mempertegaskan ini kerana mudahnya kita terjebak romantisme pada budaya/sejarah silam sehingga kita *buta* akan kenyataan hari ini. Beliau mengingatkan:

"Kenyataan sosial berbeda sekali daripada pretensi kebudayaan [yang dila-fazkan]. Masih banyak lagi warganegara kita yang tidak dapat menikmati hak mereka, sama ada dari segi kemajuan material, keadilan, atau hak kemanusiaan dan kebebasan. Adakah golongan elit berkuasa mempunyai telinga untuk mendengar tangisan bayi yang kelaparan di waktu malam? Adakah mereka mendengar rintihan para ibu yang tidak dapat memberi anak mereka makan kerana susuan dada mereka mengering kerana mereka sendiri tidak cukup makan? Mengapakah kita mencipta istilah KKM (Kemungkinan Kurang Makan) untuk menyatakan perkataan kelaparan yang sudah cukup jelas? Adakah kita takut untuk berhadapan dengan kenyataan kelaparan di kalangan golongan termiskin?" (hlm. 100).

## Pemberdayaan Belia Menerusi Pendidikan Budaya

Membangunkan budaya yang transformatif adalah menjadi tugas pendidikan hari ini. Pendidikan budaya harus dirancang yang dapat mengidentifikasikan dan meng-apresiasi budaya mereka sendiri, lingkungan serumpun mereka, sebelum mereka ghairah menyebut dan memeluk “kesejagatan”. Kesedaran kritis ini boleh disalurkan melalui bentuk kajian sains sosial yang kritis serta pendidikan sastera yang faham akan kesedaran kritisme untuk pencerahan sosial, pemberdayaan masyarakat dan selalu berpihakan kepada golongan yang tertindas (Freire, 1984).

Sastera yang mahu diajarkan kepada golongan belia, contohnya, tentu harus memberikan mereka kesedaran kritis, sehingga membawa kepada pemberdayaan untuk melestarikan praxis, bukan penelitian sastera yang bersifat borjuis pembacaannya, yang berasyik dalam taman-taman sastera dan estetikanya, sehingga alpa akan duri dan ranjau yang berada di dalam dan di luar taman sastera itu. Dengan itu harus pula kita fikirkan apakah dan bagaimanakah sastera itu harus diajar? Ini mengajak kita memikirkan persoalan-persoalan berikut, yang dikemukakan oleh Ngugi (1997): “*What is the philosophy underlying it? What are the premises and guidelines? What and whose social vision is it serving? What, then, is the sort of literature we should be teaching in our schools?*” (hlm. 28).

Tambah Ngugi (1997), pemilihan sastera apa yang sayugia diajar harus memperkirakan segi-segi berikut dengan harapan membangunkan pemikiran kritis di kalangan pelajar kita. Pertama ialah sastera yang tumbuh dari negara atau *rantau kebudayaan* itu sendiri. Kedua ialah sastera dari rantau-rantau lain seperti Asia, Latin Amerika dan Afrika. Ketiga sastera dari Eropah dan ceruk rantau yang lain yang dipilih berdasarkan “*relevance to our struggles for life and against inhibitive social structures*” (hlm. 32). Ini bererti sastera yang mahu kita ajarkan itu harus “*defeat defeatist propaganda from our enemies or from within our ranks. It should help us to return to the native land among the masses if the working people to build a self-reliant [country] free from external and internal repression and exploitation*” (hlm. 36).

Sesungguhnya sastera yang realis dan berkomited aliran kemasyarakatannya akan dapat menjana kesedaran untuk bebas daripada apa jua cengkaman yang membelenggu kemanusiaan. Itulah yang pernah ditegaskan Mochtar Lubis (1988) berkenaan sastera yang dapat “menumbuhkan benih pemikiran dan kesedaran serta memahami kondisi manusia dan masyarakatnya.” Tambah beliau:

Untuk ini dapat menjadi kenyataan, buku (sastera) mesti relevan pada keadaan kehidupan manusia dan masyarakat itu tadi. Dan ianya harus dapat menarik perhatian pembaca menerusi kekuatan deskriptifnya dan keteguhan watak-wataknya. Ianya harus memiliki apa yang disebut sebagai “kekuasaan memindahkan” [*transferring power*] para pembaca dari pada keadaan hidupnya kepada keadaan kehidupan yang telah diciptakan kembali oleh sang penulis dalam novel, cerpen dan puisinya (hlm. 101).

Karya sastera yang baik bukanlah ditulis dari kaca mata menara gading yang tinggi, jauh lagi suka menggendangkan slogan (dengan agenda politik) itu dan ini. Karya yang baik adalah berpaksikan nilai kemanusiaan yang harus diakur oleh semua, sehingga si penulis itu “dapat membangunkan kepekaan kepada masyara-

katnya sendiri.... memiliki dan menyemai nurani sosial dan nurani kemanusiaannya sendiri." Di sinilah letaknya persoalan *pemihakan* yang harus ada pada keduadua sasterwan dan khalayak yang bijak menilaikan sastera. Para belia kita harus dibudayakan dengan aliran pemikiran seperti ini dengan melihat *budaya* dalam pengertian lebih luas (bukan disempitkan pengertian budaya itu sebagai warisan kesenian dan estetika) sedang sastera itu harus tegak dengan fungsi sosial mencerahkan kemanusiaan bersama.

Alam sastera adalah di antara pengucapan intelektual, moral-etika dan kesenian yang dapat menggambarkan kita tentang kedirian, kematangan, kedalaman dan kesanggupan manusia Nusantara. Kita maklum bahawa sastera, seperti cabang seni yang lain, sayugia memiliki pengisian moral dan intelektual yang kukuh, selain ianya terungkap dalam bentuk yang indah. Para pengamat dan pendukung sastera tentunya mempunyai tugas intelektual dan etika yang besar. Antaranya ialah memperbetulkan apa yang terjadi hari ini, iaitu dehumanisasi seni (*dehumanization of art*) di mana sang karyawan telah berani dan secara terbuka memalsukan realitas, melumpuhkan segala segi kemanusiaan dan menidakkannya. Dengan erti kata yang lain, ianya adalah kebencian ke atas segala bentuk kehidupan (Ortega, 1948). Hal ini terjadi apabila kita melihat kecenderungan yang: (a) tidak selesa akan segala peri kehidupan; (b) hanya galak meminati seni itu sendiri dan tidak pada perkiraan yang lain; (c) seni itu dianggap sebagai suatu sukan atau keseronokan saja; dan (d) seni budaya itu tiada konsekuen transenden (hlm. 14).

Demi mengelakkan dehumanisasi seni/sastera ini, kewarasan etis dan petanggungjawaban moral para intelektual seperlunya kukuh, tanpa ada kompromi. Suatu pensenyawaan intelektual dan kehidupan peribadi sang intelektual itu menjadi prasyarat kepada kesarjanaan yang bermakna, yang bertitik tolak dengan tekad untuk memastikan reformasi pemikiran dan justeru itu, rekonstruksi pemikiran. Makanya kita memerlukan kritikan yang bermakna yang mengarahkan kita kepada menghargai keberdayaan manusia, kritikal, dan sanggup merubah kelemahan manusia, menentang kejahatannya serta bangun membetulkan keambivilannya dan prejudisnya.

### Kesimpulan Bersertaan Harapan

Budaya serumpun bagi kita seharusnya dilihat sebagai penerokaan *destiny* dan cabaran bersama di saat dunia semakin terdesak dengan tekanan dan masalah yang kian seragam. Respons kita untuk menghadapi dunia baru ini, memerlukan renungan tajam, dan aksi kebudayaan yang berhemah, proaktif dan ada keberanian moral untuk menyanggah keserakahan kapitalisme yang mendabik dada sebagai "globalisme." Sudah sampai masanya juga kita meneroka dengan lebih bersungguh agar budaya sastera diperkenalkan kepada khalayak masing-masing. Penterjemahan dari satu bahasa ke bahasa yang lain harus disegerakan, mentelah lagi dalam konteks serumpun. Pengenalan idea harus seiringan dengan penyedia bahan yang membawa idea-idea itu (sama ada teks atau media lain), berserta infrastuktur atau wadah yang dapat mengetengahkan pemikir-pemikir yang datang dari ranah serumpun itu.

Namun harus kita memastikan rasa keserumpunan ini tidak menjadi madat kepada para golongan nasionalis mundur yang cauvinis, kerana dek asyik meng-

klaim keistimewaan kepribumian, sehingga mereka leka sampai pula menghalalkan prejudis dan pembencian terhadap kelompok etnik yang lain. Dan usah pula di saat menghargai keserumpunan ini, kita pula mudah menafikan realitas multiculturalisme yang berlangsung dalam masyarakat kita masing-masing. Makanya budaya yang harus kita bina bukan setakat dapat menepis neo-feudalisme, patriotisme cauvinis dan neo-kolonialisme yang bergerak memerangkap, tapi juga kita harus bersedia menangkis gejala budaya yang disebut sebagai "*culture of improvisation and mediocrity*."<sup>6</sup>

Rasa keserumpunan ini boleh diteguhkan dengan saling menghargai wacana sastera dan intelektual satu sama lain. Selagi kita terasyik dengan wacana yang terhasil dari luar rantau ini, baik dari Eropah mahupun Asia Barat, selagi itu sikap kebergantungan ini menjadikan kita tidak dapat mengenal pasti wacana intelektual yang bergerak dalam rantau serumpun kita ini. Perlu ditegaskan bahawa tidak sama sekali kita menganjurkan supaya wacana intelektual/sastera/budaya yang dari luar itu kita jauhi atau ketepikan. Tetapi yang mahu kita tekankan ialah sikap khadam kita terhadap wacana yang luar itu, sehinggakan kita kerdil untuk menghargai tradisi yang tumbuh dalam lingkungan rantau atau negeri kita sendiri.

Jelasnya, rantau serumpun kita harus membina budaya manusia yang tinggi nilainya. Kita di sini adalah salah satu kelompok yang bertanggungjawab ke atas usaha itu. Manusia yang berbudaya adalah sebahagian dari cita sempurna dalam tamadun manusia. Manusia yang tidak berbudaya itu adalah manusia biadab (*vulgar*) yang berpegang pada cita bencana. Tidak dapat dinafikan pendidikan harus menyediakan manusia yang berbudaya dalam erti kata ia ada kepedulian sebagai manusia untuk menghargai segala kehidupan yang lain, ada sikap bertanggungjawab pada lingkungan dan kondisi sosio-politik dan ekonomi setempat; ada rasa empati terhadap mereka yang terkebelakang dan terkesamping<sup>7</sup> (Shaharuddin Maaruf, 1989). Kepekaan kepada budaya serumpun harus mengimbangi tatkala kita ghairah berkosmopolitan dan bersejagat yang kian menjadi trend – sehingga boleh membutuhkan kita lantas senang untuk dilabel sebagai 'maju,' 'moden' dan 'global', betapapun ada tali yang menjerat tanpa kita sedari. Hanya apabila kita ada kesedaran kritis akan kesanggupan keuniversalan yang berpijak pada partikular, maka barulah mampu kita mengelakkan ketidakberdayaan tatkala arus globalisasi hanya menawar dan menetapkan hanya satu paradigma kebudayaan yang bisa dianggap 'universal' dan 'relevan' kepada kemanusiaan keseluruhannya. Membangunkan kebudayaan kita yang kritis dan kreatif adalah langkah yang tidak boleh tertangguh lagi dan tentu sekali, tertanggung ke atas kesemua kita yang insaf berbudaya.

### Nota Hujung

<sup>1</sup> Dengan nada yang sama takrifan seperti ini juga diberikan oleh Sutan Takdir: "konsep kebudayaan itu langsung diturunkan dari konsep budi yang masih ada hubungan dengan perkataan buddha (yang mendapat cahaya [*enlightenment*]) Dari perkataan budi itu timbul perkataan budi daya atau budaya, yaitu daya, usaha atau hasil dari budi. Menurut anggapan ini adalah budi manusia yang unik yang memungkinkan manusia menciptakan kebudayaan dan hidup dalam kebudayaan."

- <sup>2</sup> Tidak menghairankan dalam kajian pengajian psacakolonialisme yang berparadigma Euro-Amerika itu, langsung tidak memberi perhatian kepada sarjana kita, atau sarjana dari Dunia Ketiga yang lain, yang telah lama dan tuntas menyanggah kolonialisme.
- <sup>3</sup> Perkara ini baik sekali dikupaskan dalam Alatas (2000).
- <sup>4</sup> Untuk huraian dan penilaian lanjut tentang pemikiran Sutan Takdir mengenai kebudayaan sila rujuk Kleden, Gunawan Mohamad & Taufik Abdullah (1988).
- <sup>5</sup> Sila baca Mochtar Lubis (1980) dan Shaharuddin Maaruf (1993).
- <sup>6</sup> Patriotik kepada sesuatu budaya nasional itu tidak bermasalah selagi ia tumbuh dari seorang patriotic, yang menurut Chinua Achebe (1984): “loves his country. He is not a person who *says* he loves his country. He is not even a person who shouts or swears or recites or sings his love of his country. He is one who cares deeply about the happiness and well-being of his country and all its people. Patriotisme is an emotion of love directed by a critical intelligence. A true patriot will always demand the highest standards of his country and accept nothing but the best for and from his his people. He will be outspoken in condemnation of their short-comings without giving way to superiority, despair and cynicism.” (hlm. 15-16).
- <sup>7</sup> Sila baca Shaharuddin Maaruf (1989).

## Rujukan

- Achdiat K. Mihardja (1954). *Polemik Kebudayaan: Pokok pikiran St. Takdir Alisjahbana, Sanusi Pane, Purbatjaraka, Sutomo, Tjindarbumi, Adinegoro, M. Amir [dan] Ki Hadjar Dewantara*. Dikumpulkan dan diberi kata pengantar oleh Achdiat K. Mihardja. Jakarta: Perpustakaan Perguruan Kementerian.
- Achebe, C. (1984). *The trouble with Nigeria*. London : Heinemann Educational Books.
- Alatas, S. H. (2000). *Cita sempurna warisan sejarah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alatas, S. H. (1972). *Modernization and social change: studies in modernization, religion, social change and development in South-East Asia*. Sydney: Angus & Robertson.
- Buttigieg, J. A. (2002). On Gramsci. *Daedalus*, 131(3), 67-70.
- Cabral, A. (1980). *Unity and Struggle: Speeches and writings*. Texts selected by the PAIGC, translated by Michael Wolfers. London : Heinemann.
- David, R. S. (2002). *Nation, Self and Citizenship*. Diliman, Quezon City: Dept. of Sociology, College of Social Sciences and Philosophy, University of the Philippines.
- Fanon, F. (1963). *The wretched of the earth*. New York: Groves Press.
- Farrell, J. T. (1976). Relevance in Literature. *Twentieth Century Literature*, 22(1), 19-25.
- Freire, P. (1984). *Pendidikan sebagai Praktek Pembebasan*. Jakarta: Gramedia.
- Kleden, I., Gunawan Mohamad & Taufik Abdulah (1988). *Kebudayaan sebagai Perjuangan: Perke-nalan dengan pemikiran S. Takdir Alisjahbana*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya (Ed.) (2005). *Pacakolonialisme dalam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mochtar Lubis (1980). *Manusia Indonesia: (sebuah pertanggungjawaban)* Jakarta: Yayasan Idayu.
- Mochtar Lubis (1988). Literature and Liberation: An awareness of self and society. Dlm. Edwin Thumboo (Ed.) *Literature and liberation: five essays from Southeast Asia*. Manila: Solidaridad Pub. House.
- Ngugi wa Thiong'o (1997). *Writers in politics: a re-engagement with issues of literature & society*. Portsmouth, N.H.: Heinemann.
- Ngugi wa Thiong'o (1984). Literature and Society. Dlm. G.D. Killam (Ed.) *Critical Perspectives on Ngugi wa Thiong'o*. Washington: Three Continents Press.

- Nurcholish Madjid (2003). *Cendekiawan & Religiusitas Masyarakat*, Jakarta: Paramadina.
- Ortega, y Gasset (1948). *The Dehumanization of Art and Notes on the Novel*. Princeton: Princeton University Press.
- Rendra, W. S. (2000). *Rakyat Belum Merdeka: Sebuah paradigma budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Rustam Sani (1992). Menjadi Manusia Sejagat. *Dewan Masyarakat*, January, 1992.
- Shaharuddin Maaruf (1993). *Konsep wira dalam masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shaharuddin Maaruf (1989). Renungan Ke Aras Sejarah Massa Melayu. Dlm. (Ed.), *Di Sebalik Jendela Utusan: Suara keramat*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Soedjatmoko (1979). Cultural Identity of Third World Countries and the Impact of Modern Communications. Dlm. Mochtar Lubis (Ed.), *Pelangi: 70 tahun Sutan Takdir Alisjahbana*. Jakarta: Akademi Jakarta, Taman Ismail Marzuki.
- Solichin Salam (1961). *Hadji Agus Salim: Hidup dan Perjuangannya*. Djakarta: Djajamurni.
- Thumboo, E. (Ed.) (1988). *Literature and Liberation: Five essays from Southeast Asia*. Manila: Solidaridad Pub. House.